

18/04/2001

Anwar diarah bayar Mahathir RM85,284.80

KUALA LUMPUR, Selasa - Mahkamah Tinggi di sini hari ini memerintahkan Datuk Seri Anwar Ibrahim membayar RM85,284.80 kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai kos saman malu membabitkan RM100 juta terhadap Perdana Menteri.

Timbalan Pendaftar, Rozilah Salleh membuat arahan itu di dalam kamarnya, tengah hari ini.

Saman Anwar yang dibuat pada 30 Ogos 1999 itu dibawa ke Mahkamah Tinggi tanpa menjalani perbicaraan penuh.

Mahkamah Rayuan mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi pada 9 Disember tahun yang sama dan permohonan rayuan kepada Mahkamah Persekutuan juga turut ditolak.

Ketika menolak saman itu, Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk R K Nathan memutuskan tuntutan Anwar jelas tidak kukuh.

Kes itu disebut hari ini di hadapan Rozilah untuk memutuskan kos perbicaraan tuntutan saman malu bernilai RM203,958.80.

Anwar mengemukakan tuntutannya pada 25 Januari tahun lalu mendakwa Dr Mahathir pada 22 September 1998 "secara palsu dan dengan niat jahat" bercakap kepada wartawan asing dan tempatan dalam sidang akhbar menuduh beliau melakukan tindakan tidak bermoral.

Peguam Fadzilah Mohd Pilus mewakili Dr Mahathir manakala Karpal Singh mewakili Anwar.

(END)